

TIMBALAN PERDANA MENTERI

YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

MERANGKAP

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA LAWATAN KE PUSAT DIALISIS UMS – YKN SABAH

Tarikh: 09/16/2018

Ahad, September/16/2018

Tempat: PUSAT DIALISIS UMS – YKN SABAH

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Salutasi **(akan disediakan kemudian)**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan jabatan-jabatan lain yang telah terlibat dalam persiapan sesi lawatan ke Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah

ini dan terima kasih juga kepada semua yang hadir sebagai tanda sokongan terhadap usaha-usaha Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dalam membantu mereka yang kurang berkemampuan.

Hadirin Yang Dirahmati Sekalian,

2. Yayasan Kebajikan Negara Malaysia adalah sebuah tabung kebajikan yang ditubuhkan di bawah **Akta Pemegang Amanah pada tahun 1981**. Yayasan ini telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program dalam usaha membantu golongan yang memerlukan di negara ini.
3. Dalam usaha mempelbagaikan perkhidmatan kebajikan dan kesihatan yang ditawarkan, pada tahun 2005, YKN telah menyediakan Pusat Rawatan Dialisis yang mesra pesakit dan keluarga bercirikan '*home-based*' yang dikenali sebagai **YKN Dialisis**. Sehingga kini **terdapat 6 buah** YKN Dialisis yang telah ditubuhkan oleh YKN iaitu:
 - i. YKN Dialisis Lembah Pantai, Kuala Lumpur
 - ii. YKN Dialisis Rompin, Pahang
 - iii. YKN Dialisis Kuala Pilah, Negeri Sembilan
 - iv. YKN Dialisis Kota Bharu, Kelantan
 - v. YKN Dialisis Kuala Terengganu, Terengganu,
 - vi. Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah.

Pemilihan lokasi-lokasi ini adalah berdasarkan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di sesuatu kawasan tersebut.

4. Kemudahan rawatan yang disediakan di setiap fasiliti YKN Dialisis ini adalah menepati spesifikasi dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan sosial yang diberikan ini dapat membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengurangkan

beban rakyat yang berpendapatan rendah, lebih-lebih lagi bagi menampung kos rawatan yang tinggi.

5. Untuk makluman tuan/puan, kos rawatan yang perlu ditanggung oleh seorang pesakit buah pinggang secara umumnya ialah **RM 200.00** setiap kali rawatan dengan purata 13 kali sebulan tidak masuk kos ubat-ubatan. YKN amat prihatin terhadap golongan yang kurang berkemampuan khususnya mereka yang menjalani rawatan dialisis ini. Oleh itu YKN memberi tajaan sepenuhnya kepada 60 orang pesakit dialisis **yang kurang berkemampuan dengan pendapatan bulanan di bawah RM1,200.00 sebulan**. Sejumlah RM31,200.00 dibelanjakan setahun bagi setiap orang pesakit. Bagi makluman tuan puan sekalian, bagi tahun 2015 sehingga Julai 2018 sejumlah RM4,052,627.00 telah dibelanjakan oleh YKN bagi membiayai 60 orang pesakit buah pinggang di seluruh negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

6. Bagi penubuhan dan pengoperasian YKN Dialisis ini, pihak YKN mendapat banyak sokongan dan kerjasama daripada syarikat-syarikat korporat, NGO, Institusi Pengajian Tinggi, Institusi Kewangan dan orang perseorangan sama ada melalui sumbangan mesin dialisis, barangan keperluan dan ubat-ubatan ataupun penajaan pesakit. Kerjasama pintar dengan pelbagai pihak ini amat penting demi kebajikan dan kelangsungan hidup kumpulan sasar. Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah yang diuruskan oleh pihak Universiti Malaysia Sabah adalah contoh terbaik hasil kerjasama pintar antara YKN dan pihak Universiti Malaysia Sabah. Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah ini telah mula beroperasi pada **14 Jun 2017** dan mempunyai 10 buah mesin dialisis dengan kapasiti maksimum pesakit 54 orang dengan 3 shif.

7. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi sokongan sepenuhnya untuk berkerjasama dengan YKN dalam membangunkan Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah ini. Syabas dan tahniah. Saya menyeru agar lebih banyak syarikat-syarikat korporat, NGO, Institusi Kewangan dan Institusi Pengajian Tinggi dapat menjalinkan kerjasama dan perkongsian pintar dengan YKN sama ada melalui aktiviti –aktiviti CSR, atau menyumbang sebarang bentuk barang-barang keperluan pesakit atau menaja pesakit itu sendiri. Secara tidak langsung dapat memberi sinar baru kepada mereka yang berada dalam kesukaran agar dapat menjalani kehidupan seperti biasa dan inklusif. Sebagaimana yang digambarkan, usaha ini dapat menyemai amalan masyarakat penyayang yang paling baik.

8. YKN komited untuk meneruskan kerjasama dengan UMS bagi melaksanakan pelbagai lagi usaha kebajikan untuk manfaat golongan yang memerlukan dalam tempoh terdekat. YKN berhasrat untuk mewujudkan **Pusat Kecemerlangan** dengan kerjasama UMS yang akan merangkumi pelbagai inisiatif kebajikan meliputi projek Anjung Kasih, iaitu rumah penginapan sementara bagi keluarga pesakit yang mengiringi dan menemani pesakit di hospital, Anjung Singgah yang merupakan pusat intervensi bagi golongan gelandangan, dan *Social Enterprise*. Saya yakin segala usaha ini akan memberi manfaat kepada rakyat negeri Sabah.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

9. Akhir kata sekali lagi, syabas dan tahniah kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang telah sudi bekerjasama dengan YKN dan juga ucapan terima kasih saya kepada pihak yang terlibat menjayakan acara lawatan pada hari ini.

10. Sempena Sambutan Hari Malaysia pada hari ini, saya mengucapkan 'Selamat Hari Malaysia kepada semua'. Sama-samalah kita hargai kemerdekaan dan kebahagiaan yang kita kecapai dengan nikmat yang di anugerahkan Allah S.W.T kepada negara kita Malaysia.

Sekian, Terima kasih.

© Hak Cipta © 2018, Jabatan Perdana Menteri

Source: <http://tpm.jpm.gov.my/tpm/ms/node/66>